

Laporan Global Burden of Disease 2013 menunjukkan kita kehilangan seorang kanak-kanak setiap dua minggu. Ini bermaksud, kita kehilangan lebih daripada 24 kanak-kanak setiap tahun di negara kita disebabkan insiden kebakaran.

Selain kehilangan kanak-kanak, 56 peratus laporan ibu bapa juga menunjukkan insiden kecederaan kebakaran yang pernah melibatkan anak-anak mereka dalam tempoh dua tahun. Insiden kebakaran ini merangkumi semua tahap kecederaan (kecederaan kecil - tanpa sebarang rawatan atau rawatan di rumah sahaja menggunakan apa sahaja bahan dirasakan sesuai mengikut kefahaman mereka, rawatan sebagai pesakit luar, rawatan pesakit dimasukkan dalam wad di hospital dan sebagainya).

Kekerapan berlaku insiden sedemikian, Pengarah Eksekutif Safe Kids Malaysia Universiti Putra Malaysia (UPM), Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM, Profesor Madya Dr Kulanthayan K.C. Mani berkongsi bagaimana mencegah insiden ini daripada berlaku. Beliau juga turut bercerita tentang *Safe Kids at Home UPM* yang dijadikan program rintis di sekolah rendah. Ikuti wawancara bersama beliau.


**GPS: Mengapa kanak-kanak perlu diberi pengetahuan tentang pencegahan kecederaan?**

DR KULANTHAYAN: Kanak-kanak perlu diberi pengetahuan tentang pencegahan kecederaan daripada pelbagai sumber yang mereka boleh elak seperti kemalangan jalan raya, lemas dalam air, kebakaran, kecederaan sukan, jatuh di rumah dan tempat permainan. Insiden tersebut dikatakan sebagai kecederaan tanpa niat (*unintentional injuries*) dan kesemua kecederaan tanpa niat dapat dicegah / elak. Justeru, inisiatif menyampaikan pengetahuan kepada kanak-kanak tentang pencegahan kecederaan ini merangkumi skop kebakaran penting bagi membentuk pengguna yang selamat dalam semua bidang kecederaan.

Kerana kecederaan di luar jangkaan, pihak Safe Kids Malaysia UPM mengambil pendekatan untuk memulakan program *Safe Kids at Home UPM* di sekolah rendah sebagai program rintis. Asas kepada pemilihan sekolah rendah dengan murid berusia tujuh tahun melibatkan program Jabatan Keselamatan Jalan Raya dengan Kementerian Pendidikan yang memulakan program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) pada usia tujuh tahun juga dengan murid sekolah rendah.

**GPS: Kepentingan program ini kepada kanak-kanak?**

DR KULANTHAYAN: Program ini penting kepada kanak-kanak kerana mengikut data dari Global Burden of Disease pada tahun 2013 menunjukkan anggaran 42,640 kanak-kanak berumur 14 tahun ke bawah meninggal disebabkan kebakaran



Kanak-kanak perlu diberi pengetahuan tentang hal tersebut



di seluruh dunia. Dari angka global ini, sebanyak 96 peratus insiden ini melibatkan kanak-kanak dari negara membangun (*Low and Middle Income Countries*). Malaysia sebagai negara membangun dan dalam kategori *Upper Middle Income Country* tidak terkecuali daripada kekerapan tinggi insiden kebakaran melibatkan kanak-kanak.

Sebelum mana-mana amalan menjadi tabiat, adalah lebih baik untuk memperkenalkan intervensi pemindekan ilmu. Justeru itu, golongan kanak-kanak merupakan kumpulan sasaran utama kerana pada usia muda, pelbagai tabiat belum terbentuk lagi. Apabila pendedahan pengetahuan tentang pencegahan ini diperkenalkan, matlamatnya hanyalah satu iaitu membentuk masyarakat dan mengamalkan tabiat yang selamat. Diharapkan, amalan tabiat yang baik ini dapat mengurangkan insiden kebakaran melibatkan kanak-kanak khususnya dan golongan dewasa amnya untuk tempoh jangka masa panjang.

**GPS: Bagaimana mahu menerapkan ilmu pencegahan kepada kanak-kanak?**

DR KULANTHAYAN: Kita perlu sasarkan pemindekan ilmu daripada pelbagai sumber kepada kanak-kanak. Pada kebiasaannya, apabila pihak sekolah mengajar atau pihak luar selain daripada ibu bapa berkongsi sesuatu maklumat, kanak-kanak cenderung untuk mendengar dan mengikutinya.

Tetapi, ada juga ilmu atau maklumat yang dikongsikan oleh ibu bapa, kanak-kanak berminat untuk mendengar dan mengikutinya. Tidak terkecuali ada yang enggan mendengar dan buat tidak tahu sahaja.

Agak sukar untuk mengenal pasti reaksi kanak-kanak. Jadi, pendekatan kami ialah menggunakan tenaga pengajar dari *Safe Kids Malaysia UPM* untuk menyampaikan maklumat pencegahan kecederaan kebakaran ini kepada pelajar dan disokong dengan interaksi latihan kerja yang mana pelajar akan menjalaninya bersama ibu bapa serta latihan demonstrasi penggunaan peralatan pencegahan kebakaran oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur. Dengan ini diharap aplikasi pelbagai sumber (tenaga pengajar *Safe Kids Malaysia UPM*, ibu bapa serta Jabatan Bomba dan Penyelamat) bagi pemindekan ilmu pencegahan kebakaran ini lebih efisien.

**GPS: Boleh ceritakan serba sedikit tentang modul 'Safe Kids at Home: Preventing Fire and Burns Program'?**

DR KULANTHAYAN: Mana-mana modul harus mempunyai dua tahap pemindekan ilmu iaitu pencegahan dan kawalan. Modul kami memfokuskan lebih kepada pencegahan dan kemudian kita menyentuh juga jika berlaku kebakaran, apa yang mereka patut dan boleh buat.

Modul Keselamatan di Rumah (*Safety At Home*) yang memfokuskan Pencegahan Kebakaran dalam kalangan kanak-kanak merangkumi 3 modul asas berkaitan apa kita perlu buat untuk elak kebakaran dan 1 modul apa kita perlu semasa kebakaran. 3 modul merangkumi topik:

**MODUL 1: Risiko di rumah secara amnya - lemas dalam air, jatuh dalam rumah**

Modul ini menyentuh risiko dalam rumah seperti lemas dalam air dan jatuh dalam rumah selepas berlari atau semasa turun dari tangga. Kami ingin pelajar tahu, dalam rumah mereka ada hazard/risiko dan kanak-kanak perlu lebih berhati-hati. Kemudian, kami akan cerita tentang risiko kebakaran di dalam rumah.

**MODUL 2: Risiko di dapur, risiko dari ekzos motosikal**

Modul ini menceritakan risiko paling besar dalam rumah iaitu di dapur yang menempatkan sumber bahan panas paling banyak. Modul ini menyasarkan kepada ibu bapa melalui latihan kerja bersama kanak-kanak. Pesanan kepada pelajar agar mereka tidak bermain di dapur dan berhati-hati dengan peralatan dapur termasuk barangan elektrik - seperti pembakar roti, cerek air, perkakas dapur (sudu, garpu dan senduk yang panas).

Ekzos motosikal merupakan antara salah satu daripada lima sumber utama kecederaan kebakaran kanak-kanak. Limitasi kanak-kanak ialah tidak dapat membezakan ekzos motosikal yang panas dan tidak panas. Justeru itu, apabila kulit kanak-kanak terkena ekzos motosikal, kecederaan akan wujud.

**Modul 3: Risiko peralatan elektrik dan bunga api**

Perkongsian maklumat tentang bahaya penggunaan wayar sambungan (*extension wire*) dari satu sumber soket elektrik. Melalui kaedah ini, kita akan *overload* penggunaan elektrik dari satu sumber yang boleh mendatangkan bahaya kepada kita semua.

**MODUL 4: Semasa kebakaran, bagaimana nak keluar, bagaimana kita nak padamkan api jika pakaian kita sedang terbakar, apa yang boleh kita buat sebagai pertolongan awal (*first aid*) jika badan kita luka, dan akhirnya bagaimana kita boleh minta bantuan.**

**GPS: Harapan kepada kanak-kanak?**

DR KULANTHAYAN: Harapan kami agar kanak-kanak yang mendapat intervensi pencegahan kebakaran akan lebih selamat dan tiada lagi insiden kebakaran dalam kalangan mereka. Juga kita tidak mahu lagi kehilangan nyawa kanak-kanak dari kecederaan yang boleh dielak seperti kebakaran.